

GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN ANUGERAH PENTADBIR

1.0 NAMA ANUGERAH

ANUGERAH PENTADBIR

2.0 LATAR BELAKANG ANUGERAH

Anugerah Pentadbir (AP) adalah anugerah yang diwujudkan oleh Universiti bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada staf kumpulan Pengurusan & Profesional (PPP) **Gred 48 ke atas** yang telah menunjukkan kecemerlangan serta memberikan sumbangan besar terhadap pembangunan, pelaksanaan dan peningkatan bidang Pengurusan dan Pentadbiran (P&P).

3.0 KATEGORI ANUGERAH

INDIVIDU

4.0 KRITERIA/SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 4.1 Pencalonan terbuka kepada staf kumpulan Pengurusan & Profesional (PPP) **Gred 48 ke atas** yang sedang berkhidmat pada tahun dinilai merangkumi semua kumpulan perkhidmatan yang sedia ada di Universiti.
- 4.2 Pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) sekurang-kurangnya sekali (1) dalam perkhidmatan.
- 4.3 Bebas daripada dikenakan tindakan **tatatertib dan surcaj** dalam tempoh 10 tahun terakhir.
- 4.4 Berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun di UTM.
- 4.5 **Purata markah LNPT tidak kurang 90%** (sepanjang 10 tahun perkhidmatan terakhir).
- 4.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa.
- 4.7 Tiada Rekod Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- 4.8 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.
- 4.9 Pencalonan boleh dibuat oleh:
 - a. Ketua Jabatan

- b. mana-mana pihak
- c. rakan-rakan
- d. diri sendiri

5.0 KAEDAH PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

5.1 Kaedah Penilaian

Diperakukan dan dinilai oleh Panel Penilai di dalam Mesyuarat Panel Penilai Anugerah Pentadbir berdasarkan borang pencalonan dan bukti yang dikemukakan.

5.2 Kaedah Pemarkahan

Pemarkahan adalah berdasarkan kriteria utama seperti berikut:

Bil.	Kriteria	Markah
1.	Kepimpinan (Leadership)	25
2.	Pengurusan dan Pentadbiran	20
3.	Sumbangan menerusi kreativiti dan inovasi	15
4.	Anugerah dalam perkhidmatan	10
5.	Perkongsian Ilmu (Pembentangan) / Pengiktirafan Profesionalisma	10
6.	Penulisan dan Penerbitan	10
7.	Penglibatan dalam Badan Profesional, NGO, Sukan dan Kemasyarakatan	10

6.0 KOS HADIAH

Anugerah	Kategori	Pemenang	Hadiah
Anugerah Pentadbir	Individu	Pemenang	RM3,000.00, trofi dan sijil